

**KEPEMIMPINAN PENGETUA DAN KEBERKESANAN SEKOLAH: SATU
KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK KENINGAU**

SARIPAH GHUL HASSAN

Disertasi Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian daripada Syarat Untuk
Mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2004



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui tentang kepemimpinan pengetua dalam membentuk keberkesanan sekolah. Kajian dijalankan di Sekolah Menengah Teknik Keningau (SMTK) yang telah memenangi pelbagai anugerah. Kaedah penyelidikan adalah secara kualitatif untuk mencungkil rahsia kejayaannya. Pengetua SMTK dijadikan sebagai subjek utama dalam kajian. Pelbagai instrumen digunakan untuk mengumpul data seperti soal selidik, temubual, pemerhatian dan semakan dokumen. Seramai 31 orang telah mengambil bahagian dalam temubual dan 87 responden dalam soal selidik. Soal selidik membekalkan data deskriptif sedangkan instrumen lain memberi '*input*' tambahan dari kenyataan dan frasa yang unik. Dapatan menunjukkan kualiti pengetua adalah penting untuk mewujudkan sekolah berkesan. Kajian menunjukkan kompetensi seperti kepemimpinan pendidikan, perancangan dan akauntabiliti sekolah, hubungan kemanusiaan dan keberkesanan peribadi pengetua sangat diperlukan untuk mewujudkan sekolah berkesan. Dapatan dari kajian di SMTK telah menunjukkan bahawa kepemimpinan pengetuanya telah menyumbang dalam menghasilkan pengurusan cemerlang kepada sekolah berkesan.

